

DIACOBAL Capsules (Mecobalamin 500 mcg)

Mecobalamin (500mcg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan DIACOBAL
2. Bagaimana DIACOBAL berfungsi
3. Sebelum mengambil DIACOBAL
4. Cara mengambil DIACOBAL
5. Semasa menggunakan DIACOBAL
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

Apakah kegunaan DIACOBAL

DIACOBAL digunakan untuk merawat sakit saraf, kebas, berdenyut-denyut, rasa panas, kehilangan deria rasa dan lumpuh disebabkan oleh neuropati periferan berkaitan dengan diabetes (kerosakan saraf periferan) seperti kerosakan saraf diabetes dan polyneuritis (keradangan saraf-saraf).

Bagaimana DIACOBAL berfungsi

DIACOBAL mengandungi mecobalamin. Mecobalamin membaiki tisu saraf yang rosak pada mereka yang menghadapi masalah saraf seperti degenerasi sel-sel saraf (degenerasi akson) dan kerosakan lapisan penebat disekitar saraf (demyelination). Mecobalamin juga terlibat dalam kematangan sel darah merah, pembahagian sel darah merah, sintesis heme, dengan itu membaiki status darah dalam megaloblastik anemia

Sebelum menggunakan DIACOBAL

-Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil DIACOBAL jika anda hipersensitif terhadap sebarang produk yang mengandungi vitamin B12 sebagai komponennya.

-Mengandung dan penyusuan

Jangan ambil DIACOBAL jika anda sedang mengandung atau sedang menyusu anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

-Sebelum menggunakan ubat ini

Ambil dengan berhati-hati jika anda mengalami asma akut.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini, termasuk mana-mana yang anda dapatkan tanpa preskripsi dari kedai farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan anda.

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda sedang mengambil neomycin, aminosalicic acid, histamine H2-antagonists, dan colchicines kerana penyerapan Vitamin B12 dari saluran gastrousus mungkin dikurangkan. Konsentrasi serum mungkin akan dikurangkan jika diambil serentak dengan pil perancang.

Cara mengambil DIACOBAL

-Berapa banyak harus diambil

Sentiasa gunakan seperti yang ditetapkan oleh doktor anda. Anda perlu menyemak dengan doktor atau ahli farmasi jika tidak pasti.

Dos biasa

Dewasa: Pengambilan oral 1 kapsul 3 kali sehari (1500mcg mecobalamin). Dos harus disesuaikan mengikut umur dan tahap simptom.

-Bila perlu diambil

Ambil seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu diambil

Teruskan pengambilan seperti yang dicadangkan oleh doktor anda. Jika gejala berterusan, dapatkan nasihat doktor anda.

-Jika terlupa mengambil

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, tunggu sehingga sampai masa untuk mengambil dos seterusnya dan abaikan dos yang tertinggal. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Tiada kes terlebih dos Mecobalamin telah didokumenkan.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa telah terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan

-Perkara yang perlu dilakukan

- Beritahu ahli farmasi atau doktor anda sekiranya simptom berterusan selepas mengambil ubat ini.
- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan DIACOBAL.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan ambil dos lebih daripada yang disarankan melainkan diberitahu oleh doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan ambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

- Pemantauan darah adalah dinasihatkan.
- Jika anda mempunyai kekurangan folat, penggunaan dos yang melebihi 10mcg setiap hari mungkin menghasilkan kesan kepada penghasilan darah yang normal; penggunaan tanpa was-was mungkin akan meyembungi diagnosis yang tepat.
- Penggunaan dos besar Mecobalamin untuk jangka masa yang panjang adalah tidak digalakkan jika pekerjaan anda memerlukan pengendalian merkuri atau sebatianannya.

DIACOBAL Capsules (Mecobalamin 500 mcg)

Mecobalamin (500mcg)

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, DIACOBAL boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mendapatnya.

Jika simptom berterusan, jangan makan ubat dan rujuk kepada doktor.

Beritahu doktor anda jika anda melihat mana-mana kesan sampingan berikut atau melihat sebarang kesan lain yang tidak disenaraikan:

- **Gastrosus:** Simptom-simptom seperti anorexia, loya atau cirit-birit mungkin akan berlaku dengan tidak kerap
- **Dermatologist:** ruam kulit mungkin berlaku dengan jarang.
- **Lain-lain:** Sakit kepala, berpeluh, rasa panas dan hipersensitiviti terhadap mecobalamin atau mana-mana komponen kapsul.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]

Cara penyimpanan dan pelupusan DIACOBAL

-Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya.

-Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Kapsul berwarna oren bersaiz '1' yang mengandungi serbuk putih hingga putih kekuningan dengan kristal merah gelap halus.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Mecobalamin

- Bahan-bahan tidak aktif

Dibasic Calcium Phosphate Anhydrous, Microcrystalline Cellulose, Sodium Starch Glycolate, Colloidal Anhydrous Silica dan Magnesium Stearate.

-MAL number

Pengilang dan Pemegang

Pendaftaran Produk

KCK Pharmaceutical Industries Sdn. Bhd.

Plot 61, Bayan Lepas Industrial Park Phase 4, Lintang Bayan Lepas 1, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RIMUP

06/05/2026

Nombor Siri

NPRA(R2)26/079